

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

SOALAN : 527

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a. bolehkah negara kita mencapai status negara maju pada tahun 2020; dan
- b. senaraikan sektor yang masih ketinggalan dan usaha untuk mencapai target ini, dan sebab-sebab utama yang menghalang usaha kita untuk mencapai status ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Dari aspek ekonomi, antara petunjuk penting dan kritikal untuk mencapai status negara maju ialah pembentukan sebuah ekonomi yang dinamik, berdaya saing, berdaya tahan dan bersifat inklusif. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas 25 tahun Wawasan 2020 diperkenalkan, asas ekonomi negara terus kukuh di mana prestasi ekonomi negara kekal mampan dan telah mencatat pertumbuhan purata tahunan benar sebanyak 6% dalam tempoh tahun 1991 hingga tahun 2015. Ini merupakan antara kadar yang tertinggi di dunia. Dari segi struktur ekonomi pula, Malaysia telah pun mencerminkan struktur ekonomi negara maju di mana sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi kini adalah 54% dan sektor pembuatan sebanyak 23%. Sementara itu, negara masih dapat mengekalkan kadar inflasi dan kadar pengangguran yang rendah.

Dengan pengukuhan asas ekonomi ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita telah meningkat 4.6 kali daripada RM7,829 (AS\$2,847) pada tahun 1991 kepada RM36,285 (AS\$9,291)¹ pada tahun 2015. Kadar kemiskinan juga telah dapat dikurangkan juga dari 12.4% pada tahun 1992 kepada hanya 0.6% pada tahun 2014. Jika dibandingkan dengan tahap minimum semasa PNK per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebanyak AS\$12,736 untuk

¹ RM/AS\$:3.9055 (2015)

menjadi negara berpendapatan tinggi, dengan pelaksanaan semua strategi dan pemacu perubahan yang dalam tempoh RMKe-11, Malaysia akan berada di landasan yang kukuh untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Namun, objektif mencapai negara maju lebih dari sekadar pencapaian dari aspek ekonomi semata-mata. Ia juga merangkumi pelbagai aspek termasuklah pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, bermoral dan beretika, liberal dan bertolak ansur, saintifik dan progresif, serta masyarakat yang penyayang dan makmur. Kita perlu mencapai semua matlamat ini sebelum kita boleh menganggap negara kita sebagai sebuah negara maju sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua,

- b. Di antara sebab yang telah melambatkan pencapaian sasaran di peringkat sektor ialah kelembapan industri untuk beralih kepada pengeluaran yang lebih berasaskan modal dan teknologi tinggi dan berada di rantai nilai ditambah yang lebih tinggi. RMKe-11 telah pun mengenal pasti 2 pemacu perubahan utama yang akan dapat memastikan industri berbuat demikian, iaitu melalui peningkatan produktiviti dan inovasi.

Antara lain, sektor perkhidmatan akan berpaksikan kepada perkhidmatan bernilai tinggi, berintensif pengetahuan dan inovasi. Industri seperti kewangan Islam, ICT, perkhidmatan minyak dan gas, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, ekopelancongan, industri halal dan perkhidmatan profesional akan

diberi lebih tumpuan dengan memperkukuh aspek pemodenan dan penggunaan teknologi bagi memangkinkan lagi pertumbuhan sektor perkhidmatan.

Sementara itu, prestasi sektor pembuatan akan dipertingkatkan melalui peralihan kepada pengeluaran produk yang lebih kompleks dan pelbagai. Penekanan juga akan diberi ke atas pengukuhan produktiviti dengan penggunaan automasi yang lebih meluas. Dalam tempoh RMK11, tiga subsektor pemangkin iaitu kimia dan produk kimia, elektrik dan elektronik (E&E) serta peralatan dan jentera (M&E) bersama dengan subsektor aeroangkasa dan peranti perubatan dikenal pasti mempunyai potensi untuk menjadi pemacu pertumbuhan sektor pembuatan. Proses peralihan ini akan disokong melalui strategi pengukuhan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, amalan pembuatan mampan, pematuhan kepada standard global dan peningkatan kerjasama antara pihak berkepentingan.

Kerajaan juga masih mengambil berat akan potensi sektor pertanian dalam menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Antara lain, subsektor agromakanan akan beralih kepada subsektor berpendapatan tinggi dan mampan melalui inisiatif pemodenan dan pembangunan dan penyelidikan (R&D). Tumpuan akan diberikan untuk memastikan jaminan bekalan makanan dan keselamatan makanan, menambah pendapatan pertanian dan meningkatkan produktiviti terutamanya komoditi makanan yang mempunyai tahap sara diri yang rendah.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

SOALAN :-

**Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta MENTERI
KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) bagaimanakah dengan kesedaran orang awam terhadap projek kitar semula; dan
- (b) berapa bilangan sesi perbincangan dan dialog dengan persatuan mengenai program kitar semula, dan adakah risalat-risalat dan video di edar kepada orang awam.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkat kesedaran meliputi setiap lapisan masyarakat. Antara program yang telah dan sedang dijalankan adalah seperti berikut:

(i) Pengasingan Sisa Pepejal di Punca

Pengasingan Sisa Pepejal di Punca merupakan inisiatif kerajaan bagi menguatkuasakan pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca bermula 1 September 2015 di negeri-negeri yang mengguna pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Sejak ia mula diperkenalkan sehingga 31 Januari 2016 telah berjaya mendidik masyarakat bagi mengasingkan sisa kitar semula daripada sisa pepejal domestik seharian.

(ii) Kelab Kitar Semula di Sekolah

Kelab Kitar Semula merupakan salah satu inisiatif kerajaan mempromosikan 3R (Reduce, Reuse, Recycle) melalui platform kokurikulum di sekolah. Untuk rekod, sebanyak **2,594 buah** sekolah telah menubuhkan kelab kitar semula sehingga bulan Disember 2015 dengan penglibatan seramai **31,128 orang** pelajar.

(iii) Bank 3R @ tadika

Bank 3R di tadika merupakan program yang telah diperkenalkan oleh KPKT bagi menerapkan nilai murni menerusi amalan kitar semula dalam kalangan kanak-kanak. Sehingga bulan Disember 2015, sebanyak **1,326 buah tadika** telah menjalankan program Bank 3R dengan anggaran penglibatan seramai **40,000 orang** murid.

(iv) 3R @ komuniti

Kementerian juga melaksanakan program kitar semula bertumpu di kawasan komuniti iaitu program 3R @ Komuniti. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan amalan

melaksanakan kitar semula di kawasan perumahan. Pada tahun 2015, sebanyak **428 buah taman dan kawasan perumahan** telah terlibat dengan program ini dengan anggaran seramai **7,000 orang penduduk** yang menyertainya.

(v) Program 3R @ Jabatan Kerajaan

Bagi program 3R di Jabatan Kerajaan, sebanyak **569 program 3R** telah dijalankan di pelbagai agensi dengan melibatkan **14,225 orang penjawat awam** yang telah menyertai program ini sepanjang tahun 2015.

(vi) Program 3R @ NGO

Sebanyak **92 buah** Program 3R di peringkat Badan Bukan Kerajaan (NGO) sepanjang tahun 2015 telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai **2,300 orang**.

(vii) Program 3R @ IPT

Sebanyak 70 program 3R @ IPT di Institusi Pengajian Tinggi yang telah dijalankan dengan penglibatan sebanyak **1,750 orang** pelajar sepanjang tahun 2015.

itu, TPPS dalam peringkat akhir penyediaan lima buah mahkamah tambahan iaitu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Muar yang dijangka akan mula beroperasi pada Mei 2016.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016